

16 Oktober, 1981

Sultan Selangor bangga sidang- raja2 di negeri baginda

KELANG, Khamis — Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Haji Ali, Raja-Raja dan Raja-Raja Perempuan, Yang Dipertua, Menteri Besar dan Ketua Menteri bersama isteri masing-masing menghadiri jamuan negeri di Istana Alam Shah di sini malam ini.

Jamuan tersebut diadakan sebagai memulakan Persidangan Majlis Raja-Raja ke-122 dua hari berturut-turut berakhir hari ini.

Ketika bertitah di majlis tersebut, Sultan Selangor merasa sukacita dan bangga kerana negeri baginda dipilih menjadi tuan rumah kepada persidangan ke-122 itu dan kali ketiga diadakan di luar Kuala Lumpur.

"Beta berbangga dapat menjadi tuan rumah kepada mesyuarat Majlis Raja-raja kali ini yang merupakan satu penghormatan besar kepada rakyat dan negeri ini," titah baginda.